

Bil. (52) dlm. KKM-82/2/6

17 hb April, 1986

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan Negeri.

Semua Pengarah Institusi Perubatan Persekutuan.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.8/1986

Jawatankuasa Ubat-ubatan Negeri/Institusi/Hospital

Saya merujuk kepada surat pekeliling Ketua Setiausaha Bil. 4/83 bertarikh 16hb Ogos 1983 berkenaan dengan perkara tersebut diatas.

2. Adalah didapati sebilangan Jawatankuasa Ubat-ubatan jarang bermesyuarat dan sebilangan tidak bermesyuarat langsung. Pada keseluruhannya pencapaian Jawatankuasa Ubat-ubatan di keempat-empat peringkat pelaksanaan seperti dikenalpasti dalam pekeliling tersebut, masih tidak memuaskan dan perlu diperbaiki dan dipertingkatkan terutama sekali dalam bidang pengawasan penggunaan ubat-ubatan. Perkara ini juga telah dibangkitkan dalam Persidangan Pegawai Pakar Kementerian Kesihatan yang telah diadakan pada 7-9hb Oktober 1985.

3. Oleh itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah diarah untuk:-

- (a) mempergiatkan pelaksanaan tanggungjawab Jawatankuasa Ubat-ubatan di peringkat masing-masing;
- (b) mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Ubat-ubatan di peringkat masing-masing sekurang-kurangnya empat bulan sekali atau lebih kerap jika perlu dengan agenda yang terancang yang meliputi perkara-perkara berikut:-
 - (i) Menilai penggunaan ubat-ubatan dengan mengambil-kira pola (pattern) dan 'trend' penggunaan.
 - (ii) Membuat anggaran keperluan ubat-ubatan yang realistik untuk menentukan stok mencukupi atau tidak berlebihan.


- (iii) Mengenalpasti ubat-ubatan yang lambat bergerak dan mengambil tindakan untuk mengelakkan pembaziran.
- (iv) Menilai cadangan menambah/membatal perkara-perkara dalam senarai ubat-ubatan Kementerian Kesihatan Malaysia.

4. Sila pastikan bahawa kandungan pekeliling ini di bawa ke pengetahuan semua pegawai yang menjadi anggota Jawatankuasa Ubat-ubatan seperti yang diputuskan dalam surat pekeliling Ketua Setiausaha No.4/83.

5. Pengarah Perkhidmatan Farmasi di Kementerian ini adalah dipertanggungjawabkan mengesan (monitor) pelaksanaan Surat Pekeliling ini.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,


Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: Ketua Setiausaha
Semua Ketua Bahagian
Semua Pegawai Farmasi Negeri/Institusi.
Pengarah, Makmal Ubat & Stor, Petaling Jaya.

-/re